

## BAB 3

### PERANAN DAN KEPENTINGAN AMIL

#### 3.0 Pendahuluan

Kebaikan dan faedah zakat akan dapat dirasai apabila amil memainkan peranannya dengan berkesan seperti yang pernah disaksikan sepanjang sejarah umat Islam. Peranan asasi amil adalah mengutip dan mengagih zakat. Untuk memenuhi tuntutan semasa, proses kutip dan agih mesti dilakukan dengan perancangan rapi dan menggunakan mekanisme terbaik. Mekanisme ini sebahagiannya telah dinyatakan dalam nas dan perbendaharaan fiqh klasik. Apa yang diperlukan ialah memantapkan proses dan mekanisme tersebut dengan menggunakan kreativiti dan teknologi semasa. Peranan amil begitu signifikan dan wajar diakui dalam mengurus harta zakat.

#### 3.1 Tugas Dan Tanggjawab Amil

##### 3.1.1. Tugas Amil Di Dalam al-Quran dan Sunnah

Firman Allah S.W.T.

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ  
إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٦﴾

*Bermaksud : Ambillah daripada harta mereka itu menjadi sedekah(zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka ( akhlak yang buruk), dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi*







Hadith ini pula menerangkan bagaimana Rasulullah SAW telah menyeru kaum wanita secara khusus untuk mengeluarkan zakat dan dengan segera difahami oleh kaum wanita dengan menyerahkan sebahagian harta berharga mereka. Kesimpulan daripada ayat al-Quran dan hadis-hadis di atas tadi menjelaskan tugas amil bukan mengutip zakat semata-mata, malah diamanahkan untuk melaksanakan tugas-tugas lain yang menjurus kepada kesempurnaan ibadah zakat.

### 3.1.2. Tugas dan Tanggungjawab Amil Menurut Fuqaha

Para fuqaha silam seperti al-Bahuti,<sup>6</sup> al-Nawawi<sup>7</sup> dan Ibn Qudamah<sup>8</sup> menyebutkan satu persatu tugas dan kerja seperti seperti pemungut (*Sa'ie'*)<sup>9</sup>, penulis atau pencatat (*katib*), pengagihan (*Qasim*), pengumpul (*Hashir*), mengenalpasti penerima zakat (*'Arif*), mengira kutipan (*Hasib*),<sup>10</sup> memelihara harta zakat (*Hafiz*, berdasarkan kepada apa diamalkan oleh generasi sebelumnya di samping beberapa jawatan tambahan bagi mengemaskinikan operasi zakat di era mereka.

Al-Qaradawi merumuskan, amil merupakan golongan yang menguruskan dua tanggungjawab asas : kutip dan agih<sup>11</sup>, iaitu mengutip zakat dari mereka yang layak berzakat dan mengagihkan kepada asnaf yang lapan. Tidak kira apa jua jawatan mereka yang menjurus kepada aktiviti mengumpul, mengira, menyimpan, mengurus,

---

<sup>6</sup> Al-Bahuti (1982), *op.cit.*, j. 2, h. 316.

<sup>7</sup> Al-Nawawi (1995), *op.cit.*, j. 6, h. 168.

<sup>8</sup> Ibn Qudamah (2004), *op.cit.*, j. 4 h. 91.

<sup>9</sup> Sharbini, Shamsuddin Muhammad bin Muhammad al-Khatib (2000), *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifati Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, j.2, Beirut : Dar al- Kutub al-'Ilmiyah.h.138.

<sup>10</sup> Jauzi, Ibn Qayyim, Shamsuddin Abi 'Abdullah Muhammad Ibn Bakr al-Zar'ie al-Dimashqi (1998), *Zad al-Ma'ad fi Huda Khyra al-'Ibad*, c. 3, j 2, Beirut: Muassasah Risalah.h.9.

<sup>11</sup> Al-Qaradawi (1999), *op.cit.*, h. 546-547.

merancang, menjaga dan mengagih harta zakat. Namun ini tidak termasuk Sultan, Raja, Gabenor mahupun Hakim yang terlibat dengan kerja-kerja amal. Walau bagaimanapun mereka layak mendapat upah dari baitulmal.<sup>12</sup>

Secara ringkas, tugas dan peranan amal adalah merancang, mengelola dan melapor semua kerja berkenaan urusan zakat seperti operasi perundangan dan peraturan, pengurusan kewangan, sistem pungutan, sistem agihan, pelaburan, pengurusan projek dan penjagaan aset.<sup>13</sup> Amil menguruskan proses mengenalpasti penerima zakat, menyiasat dan memproses setiap permohonan dan bertanggungjawab menentukan kesahihan dan kelayakan yang digariskan, memberi bantuan dalam bentuk yang diluluskan, mengesan keberkesanan bantuan dan membuat laporan aktiviti-aktiviti tersebut untuk rekod dan semakan dari semasa ke semasa.<sup>14</sup> Mereka menentukan lebihan kewangan zakat disimpan atau dilabur ke institusi yang selamat.<sup>15</sup> Oleh yang demikian segala jenis pekerjaan yang dilakukan demi kepentingan organisasi tersebut melayakkan seseorang itu menjadi amal.<sup>16</sup>

Perlantikan mereka menjadikan proses pelaksanaan zakat lebih teratur dan sistematik. Di negara minoriti umat Islam, pelbagai badan, yayasan atau pertubuhan diwujudkan sendiri oleh komuniti Islam terbabit untuk menguruskan hal-ehwal zakat.<sup>17</sup> Oleh kerana amal terlibat dalam suatu bentuk pengurusan aset yang kompleks, dalam skala yang besar dan kadangkala bersifat nasional, maka amal tidak

---

<sup>12</sup> Nawawi (1995), *op.cit.*, h. 169.

<sup>13</sup> Abg Mohamad Shibli Abg Mohd Nailie (2000), *op.cit.*, h. 222.

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> *Ibid.*, h. 223.

<sup>16</sup> Abg Mohamad Shibli Abg Mohd Nailie (2000), *op.cit.*, h. 223.

<sup>17</sup> Mujaini Tarimin (2005), *op.cit.*, h.135.

sesuai dianggap sebagai tugas individu secara peribadi, tetapi dalam bentuk sebuah organisasi besar yang teratur. Inilah asas kepada pembentukan istilah amil korporat.<sup>18</sup>

### 3.2 Kepentingan Amil

Setelah memahami setiap sudut tugas amil, isu kepentingan golongan ini terhadap masyarakat wajar dibicarakan dengan lebih lanjut.<sup>19</sup> Antaranya, amil boleh dianggap sebagai pengantara (*mediator*) di antara pembayar zakat dan asnaf. Pembayar zakat dan penerima zakat lebih baik tidak bertemu di antara satu sama lain secara langsung kerana bagi pembayar zakat, situasi ini boleh merosakkan keikhlasan seperti timbulnya perasaan *riya'* dan bangga diri, pada waktu yang sama di sisi penerima mereka akan berasa malu, hina dan rendah diri kerana seolah datang meminta dari pemilik harta, maka itu lebih baik bagi pembayar zakat menyerahkan sahaja proses penyerahan itu kepada amil. Amil pula sebagai pemegang amanah dan tidak terbeban dengan pelbagai emosi melainkan perasaan bertanggungjawab melaksanakan tugas.<sup>20</sup>

Amil sebagai sebuah institusi yang mempunyai kapasiti sebagai pemberi peringatan dan penguatkuasa yang diberi kuasa dan kekuatan undang-undang untuk mengambil harta daripada pembayar zakat. Kuasa yang ada pada mereka mendorong pembayar zakat menunaikan tanggungjawab mereka. Fitrah semulajadi manusia

---

<sup>18</sup> Hasan Bahrom & Ezani Yaakub (2006), *Pengurusan Zakat Semasa*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, h. 46-47.

<sup>19</sup> <http://www.suaramerdeka.com/>, diakses pada 25 Mei 2007, Ahmad Rofiq (2005), artikel : *Zakat, Mengubah Mustahik Jadi Muzakki, Direktur Lembaga Amil Zakat, Infak dan Shodaqoh Masjid Agung (Lazisma) Jawa Tengah, Pengawas BAZ Provinsi Jawa Tengah.*

<sup>20</sup> *Ibid.*

sayangkan harta mereka. Oleh itu amil diperlukan dalam proses pembayaran zakat selaras dengan firman Allah ( *خذ من اموالهم صدقة...الخ* )<sup>21</sup> yang bermaksud 'ambillah dari harta-harta mereka' ayat ini merupakan perintah khas kepada amil untuk bertegas.<sup>22</sup> Soal pendekatan, bergantung kepada situasi. Lebih utama untuk menggunakan pendekatan yang lemah lembut namun apabila ia tidak berhasil, amil berhak menggunakan cara yang keras seperti mengenakan denda dan hukuman terhadap golongan berkemampuan yang engkar membayar zakat.. Amil menjadi golongan yang sentiasa mengingatkan manusia tentang kewajipan zakat kerana bukan semua manusia bersedia menolong orang lain dengan harta mereka.<sup>23</sup>

Amil sebagai sebuah organisasi yang berskala besar dan sistematik bermakna kerja-kerja yang dilakukan tidak mampu dilaksanakan secara individu. Bermula dari kerja-kerja mengaudit harta pemilik zakat, mencari asnaf, menyiasat asnaf yang layak dan menyelaras kadar dan bentuk bantuan kepada semua asnaf, menyimpan harta zakat tersebut, merekod segala urusan dan lain-lain lagi. Sekiranya tugas mengurus zakat ini dibebankan ke atas pemilik harta, tentu timbul pelbagai kesukaran dan kepincangan sebagai contoh, pemilik harta mungkin tidak dapat mengesan kesemua asnaf zakat yang ada di dalam sesebuah negeri atau bandar.

Pemilik harta tentu menghadapi kesukaran untuk mengetahui adakah seseorang itu benar-benar layak menerima zakat, mampukah dia menyiasatnya, bagaimana penentuan kelayakan itu dibuat, berapakah kadar yang diperlukan dan

---

<sup>21</sup> Al-Taubah, ayat 103.

<sup>22</sup> Al-Qurtubi, Mohammad Ahmad al-Ansari (t.t), *op.cit.*, j.8, h. 113.

<sup>23</sup> Al-Qaradawi (2001), *op.cit.*, h. 742.



bagaimana untuk mengelakkan pertindihan bantuan. Di tambah lagi bukan semua penerima zakat itu golongan fakir dan miskin semata-mata kerana ada lagi golongan-golongan lain yang layak menerima zakat seperti pejuang *fi sabilillah* , *musafir*, *mu'allaf*, orang berhutang dan hamba.<sup>24</sup>

Oleh itu, kewujudan amil penting bagi memastikan zakat dilaksanakan dengan sempurna dan memberi impak yang besar terhadap peningkatan taraf hidup dan sosio-ekonomi umat. Campurtangan kerajaan pula diperlukan untuk melantik amil terbaik menguruskan zakat kerana ia melibatkan kepentingan negara secara keseluruhannya. Sehubungan itu, tanggungjawab negara melantik amil adalah satu keperluan dan bukannya pilihan.

### **3.3 Hak dan Ganjaran Amil**

Amil berhak mendapat upah daripada hasil kerja yang mereka lakukan. Hak amil diperoleh atas dasar ganti (*'iwad* ) kepada kerja, manakala asnaf lain kerana kesusahan (*muasat*) .<sup>25</sup> Rasulullah SAW pernah mengutus Umar RA pergi mengutip zakat, dan kemudian memberi upah kepada Umar RA daripada zakat itu sendiri<sup>26</sup>. Oleh itu, perbuatan Rasulullah SAW ini telah menguatkan lagi nas al-Quran yang menerangkan golongan yang berhak mendapat zakat.<sup>27</sup> Namun beberapa persoalan timbul berkaitan hak dan ganjaran amil tentang sebanyak manakah upah tersebut

---

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> Al-Nawawi (1995), *op.cit.*, j. 6, h. 165.

<sup>26</sup> Zaydan, 'Abd Karim (2000), *al-Mufassal fi al-Ahkam al-Mar'ah* , j. 1, Beirut: Muassasah Risalah, h. 431.

<sup>27</sup> At-Taubah ayat 63.

harus diberikan.

Jumhur fuqaha yang terdiri daripada Abu Hanifah<sup>28</sup>, Shafi'e<sup>29</sup>, Mujahid dan tabi'en sebelumnya seperti 'Umar 'Abd 'Aziz<sup>30</sup> berpendapat amil berhak mendapat upah daripada peruntukan dana zakat, manakala satu pendapat dari Imam Malik yang berpendapat upah amil ditentukan daripada peruntukan baitulmal.<sup>31</sup>

Menurut Ibnu 'Abidin, sebarang kekurangan dalam pembayaran upah, sekalipun sesudah diambil separuh daripada jumlah pungutan, peruntukan baitulmal tidak boleh diambil untuk menampung kekurangan itu<sup>32</sup> kerana kumpulan wang zakat adalah kumpulan tersendiri dari segi sumber dan perbelanjaan.

Pendapat mazhab Shafi'e pula lebih fleksibel. Kekurangan bahagian pada mana-mana asnaf boleh ditampung oleh asnaf lain. Malah menggunakan wang Baitulmal untuk menampung mana-mana asnaf pun dibenarkan tanpa khilaf.<sup>33</sup> Lebih jauh lagi, sekiranya upah amil dibayar oleh baitulmal atau kerajaan dan kesemua hasil pungutan diserahkan kepada asnaf lain.<sup>34</sup>

---

<sup>28</sup> Ibnu 'Abidin, Muhammad Amin (1966), *Hashiyah Ibnu 'Abidin*, j. 2, Beirut: Dar al-Fikr, h. 354.

<sup>29</sup> Shafie, (t.t), *al-Umm*, j. 2, h. 63.

<sup>30</sup> Al-Qurtubi ( 1996), *op.cit* h.177-178.

<sup>31</sup> Ibnu 'Arabi, Abu Bakr ( t.t ), *Ahkam al-Qur'an*, j. 2, Beirut: Dar al- Ma'rifah, h. 963.

<sup>32</sup> Ibnu 'Abidin, (1966), *op.cit.*, h. 380.

<sup>33</sup> Al-Nawawi(1995), *op.cit.*, j. 6 h. 195.

<sup>34</sup> Ini yang diamalkan di Kuwait ketika membayar gaji pegawai di Bayt-Zakat. Iaitu tidak menggunakan wang zakat tetapi diambil daripada tabung baitulmal. *A Survey of Institution of Zakah : Issues, Theories and Administration*,(t.t),(t.p) *op.cit*, h. 5-10.

Pembahagian zakat mengikut nisbah asnaf iaitu satu perlepasan (1/8) telah lama menjadi tradisi masyarakat Islam, pandangan ini sering mendapat kritikan kerana bagi setiap asnaf pasti berbeza dari segi jumlah, keperluan dan keutamaan. Para fuqaha sebenarnya berbeza pendapat di sini.

Imam Shafi'e<sup>35</sup>, Mujahid dan satu pendapat dari mazhab Maliki<sup>36</sup> memutuskan upah amil adalah satu perlepasan dari keseluruhan kutipan. Pandangan ini berdasarkan kepada kehendak ayat 60 surah al-Taubah yang menegaskan bahawa pembahagian asnaf itu kepada lapan secara tepat dan terperinci. Oleh itu pembahagian satu perlepasan adalah menepati nas secara *qat'ie* dan tidak harus membawa kepada *takwil*.<sup>37</sup>

Pandangan yang kedua, ganjaran yang sesuai dengan bidang kerja pegawai zakat samada kurang satu perlepasan atau lebih asalkan tidak melebihi separuh daripada perolehan zakat pada tahun semasa.<sup>38</sup> Fuqaha' Hanafiyah menetapkan tidak boleh melebihi separuh kutipan<sup>39</sup> dalam kes kutipan rendah agar maslahat asnaf lain terpelihara.

Terdapat satu pandangan terpencil yang meletakkan beban upah amil ini ke atas pemilik harta yang menyerahkan hartanya kepada amil untuk dikira. Contohnya, amil yang bertugas mengira zakat kambing. Berdasarkan *qiyas* dalam sesi jual beli di

---

<sup>35</sup> Al-Shafi'e, Mohammad Bin Idris (t.t), *al-'Umm*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 63.

<sup>36</sup> Ibnu Arabi, Abu Bakr (t.t), *op.cit.*, j. 2, h.971.

<sup>37</sup> Mujaini Tarimin (2006), *op.cit.*, h.33.

<sup>38</sup> Ibnu Hummam, Kamaluddin (1970), *Fath al-Qadir*, j. 2, Kaherah: Mustafa Bab al-Halabi, h. 263.

<sup>39</sup> Ibnu Hummam, Kamaluddin (1970), *op.cit.*, j.2, h. 132, Zuhayli, Wahbah (1997), *Fiqh Islami wa Adillatuh*, c. 4, j. 1, Damsyik: Dar al- Fikr, h. 1960.

mana kos menimbang, mengira dan mepakej barang jualan adalah tanggungjawab penjual.<sup>40</sup> Dalam mencari penyelesaian terbaik terhadap persoalan upah amil, ada pandangan mazhab Shafi'e yang menyerahkan kepada pemerintah untuk menentukannya. Samada kekurangan dalam kutipan boleh ditampung oleh baitulmal atau diambil bahagian asnaf yang lain untuk diserahkan pada amil.<sup>41</sup>

Berdasarkan pandangan-pandangan di atas, penulis berpendapat, pandangan yang mengatakan ganjaran amil berdasarkan tugas yang mereka laksanakan adalah lebih wajar untuk dipraktikkan daripada soal pembahagian satu perlapan atau yang seumpamanya.

Pada asasnya, upah atau ganjaran perlu diberikan kepada amil dengan kadar yang wajar. Upah ini tidak perlu dipersoalkan sekalipun amil tersebut daripada golongan yang berharta kerana hak menerima zakat oleh mereka merupakan ketetapan al-Quran dan sebagai balasan kepada kerja-kerja pentadbiran yang dilakukan, tidak seperti asnaf lain yang lazimnya menerima zakat kerana situasi sukar yang mereka hadapi.

Sebenarnya, bukan sahaja persoalan kewangan semata-mata yang perlu diberi perhatian, segala kemudahan yang diperlukan oleh amil juga wajar disediakan seperti pejabat, kenderaan dan hak-hak lain seperti hak menaksir, mengaudit, mengakses maklumat dan seterusnya hak menguatkuasakan zakat. Namun dalam situasi pemilik

---

<sup>40</sup> Al-Nawawi (2000), *op.cit.*, Kitab al-Zakat, h.175.

<sup>41</sup> Al-Nawawi (1995), *op.cit.*, j.6, h. 167.

harta melakukan agihannya sendiri, bahagian amil gugur dengan sendiri pada ketika itu.<sup>42</sup>

### **3.4 Sejarah Perlantikan Amil Di Zaman Awal Islam**

#### **3.4.1 Zaman Rasulullah SAW**

Apabila zakat difardhukan pada zaman awal Islam, umat melihat ibadah zakat adalah sebagai suatu urusan peribadi dan satu bentuk pengabdian kepada Allah yang sama seperti ibadah solat, puasa, haji dan lain-lain. Zakat hanya menjadi urusan negara pada tahun-tahun akhir era pemerintahan Rasulullah SAW di Madinah. Bermula dengan perlantikan pengutip-pengutip zakat oleh Rasulullah untuk di hantar ke seluruh pelusuk semenanjung Tanah Arab dan penghantaran pengutip zakat ke atas kabilah-kabilah terpilih.

Menurut rekod terawal mencatatkan amil yang mula-mula dilantik dan diutus ialah A'la al Hadrami.<sup>43</sup> Beliau dihantar ke Yaman dan Bahrayn sekitar tahun 6-8 hijrah, diikuti oleh 'Amr yang dihantar ke 'Oman. Kemudian Nabi telah melantik lebih ramai lagi pegawai zakat antaranya<sup>44</sup> : al-Muhajir ibn 'Umayyah ke San'a', Ziyad Ibn Labib al-Ansari ke Hadr al-Maut, 'Adi ibn Hatim al-Tai' ke Bani Tai dan 'Asad, Malik ibn Nuwayrah ke Bani Handhalah<sup>45</sup>, al-Zabarqan ibn Badr dan Qayis

---

<sup>42</sup> *Ibid*, h. 165.

<sup>43</sup> San'ani, Muhammad bin Isma'il al-Amir al-Yamani (1995), *Subul al-Salam Sharh Bulugh al-Maram min Jam'Adillat al-Ahkam*, j.2, Beirut: Dar al-Fikr.h. 796.

<sup>44</sup> Ibnu Qudamah (2004), j. 2, h. 694.

<sup>45</sup> Al-Tabari, Abu Ja'afar Muhamad Bin Jarir (1991), *Tarikh al-Tabari, Tarikh al-Umam wal al-Mulk*, j. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 177.

ibn 'Asim ke Bani Sa'ad, 'Ali bin Abi Talib ke Najran,

Rasulullah SAW pernah menghantar 'Umar al-Khattab, Khalid ibn al-'Asi, al-Arqam ibn al-Arqam, Kahal ibn Malik al-Kahali, Khalid ibn Barsa', Abu Jahm ibn Hudhayfah, Khuzaymah ibn al-'Asim al-Kali, Rafi' ibn Makath ibn al-Jahani, Sahal ibn Manjab al-Tamimi, Wahid bin 'Uqbah, Qais bin Saad dan Amir ke Bani Mustaliq, 'Ikrimah ibn Abi Jahl ke Bani Hawazin<sup>46</sup>, Mutammim ibn Nuwayrah al-Tamimi ke Bani Tamim, Mirdas ibn Malik al-Ghanawi, 'Amr ibn Hazm al-Ansari ke Bani Harith,<sup>47</sup> Ibn Lutbiyah ke Bani Sulaym<sup>48</sup>.

Antara Sahabat RA yang dihantar ke Yaman pada tahun ke-9 Hijrah ialah Mu'adh Bin Jabal<sup>49</sup>. Ini menjadikan sejumlah 31 kabilah/tempat yang telah dihantar oleh pegawai-pegawai zakat yang dilantik sendiri oleh Rasulullah SAW<sup>50</sup> Pentadbiran zakat di Madinah pada waktu itu diketuai oleh al-Zubayr ibn al-'Awwam serta dibantu oleh Jahm ibn al-Salt dan Hudhayfah ibn al-Yaman.<sup>51</sup>

Senarai panjang nama-nama sahabat ini menjadi bukti betapa seriusnya Rasulullah SAW membangunkan institusi amil<sup>52</sup>. Pengutusan pengutip zakat meliputi hampir seluruh semenanjung tanah Arab dan menemui hampir kesemua kabilah yang

---

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> Beliau mendapat arahan bertulis daripada Nabi, di dalam surat Nabi menyuruh beliau bertaqwa kepada Allah, memerintahkan beliau mengambil zakat dengan haq dan menyampaikan perintah berzakat ini dengan baik dan lemah lembut. Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang bertaqwa dan orang-orang yang berbuat kebajikan ; at-Tabari (1991), *op.cit.*, h.222.

<sup>48</sup> Al-'Asqalani (1997), *op.cit.*, *Kitab Zakat, Bab al-'Amilina 'Alayha*, j.3, h. 466, no. hadith 1500.

<sup>49</sup> San'ani (1995), *op.cit.*, j.2, h 796.

<sup>50</sup> Abd Aziz Muhammad (1993), *op.cit.*, h. 38.

<sup>51</sup> Mujaini Tarimin (2005), *op.cit.*, h. 142.

<sup>52</sup> Sila rujuk Jadual 1 untuk senarai amil dan tempat mereka dihantar.

dominan pada ketika itu.<sup>53</sup> Walaupun jumlah kekayaan dan jenis harta yang dizakat ketika itu belum begitu banyak, terdapat beberapa kesukaran dalam menilai kadar zakat terutamanya zakat ternakan yang berbeza-beza jenis dan umurnya.<sup>54</sup> Kesukaran tersebut turut berlaku ketika proses pembayaran zakat tanaman dan buah-buahan, lantas Rasulullah SAW telah menghantar pegawai-pegawai yang terlatih menaksir zakat buah-buahan terutamanya pada musim luruh untuk memudahkan pemilik harta menentukan kadar zakat mereka.<sup>55</sup> Seperti tercatat dalam hadith Said bin Musayyib yang bermaksud bahawa Rasulullah SAW telah menghantar kepada orang ramai orang yang membuat taksiran anggur dan buah-buahan mereka.<sup>56</sup>

Rasulullah SAW menitikberatkan kebajikan amil dengan membenarkan mereka membawa isteri dan pelayan. Mereka juga beroleh kenderaan dan kemudahan tempat tinggal sepanjang tempoh bertugas<sup>57</sup>. Tindakan-tindakan Rasulullah SAW ini memberikan panduan dan inspirasi kepada para sahabat bagaimana untuk menginstitusikan amil pada era selepas kewafatan Rasulullah SAW.

### **3.4.2 Zaman Sahabat**

Pada era Rasulullah SAW masyarakat Islam hidup berpandukan bimbingan terus daripada Nabi baik secara rohani, jasmani dan intelektual. Kewafatan

---

<sup>53</sup> Humam Bin Daud (2004), *Kutipan Zakat & Agihannya: Satu Kajian di Awal Islam*, Tesis Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur 2004/2005, h. 98.

<sup>54</sup> At-Tabari (1991), *op.cit.*, h.177.

<sup>55</sup> Mahmood Zuhdi (2003), *op.cit.*, 265.

<sup>56</sup> Ibnu Majah, Imam Abi Hasan al-Sindi (1997), *Sunan Ibnu Majah*, c.2,j.2, Beirut : Dar al-Ma'rifah, h.390, no. hadith 1819.

<sup>57</sup> Hummam bin Daud (2004), *op.cit.*, h.112.

Rasulullah SAW telah meletakkan kuasa pemerintahan dan sumber rujukan umat ke para Sahabat RA berdasarkan tanggapan umum mereka ini ialah golongan yang paling memahami Islam.<sup>58</sup> Pewaris pemerintahan umat Islam pada waktu itu diterajui empat Sahabat terpilih bermula dengan Saidina Abu Bakr RA

Saidina Abu Bakr RA telah membuat beberapa penambahbaikan di dalam urusan kutipan zakat, satu yang terpenting ialah menggubal manual bertulis tentang nisab zakat ternakan untuk panduan amil. Manual ini mula-mula diberikan kepada Anas bin Malik yang diutus ke Bahrayn.<sup>59</sup>

Sesetengah amil era Rasulullah SAW seperti al-Muhajir, Abu Musa al-Asha'ari dan Mu'adh bin Jabal masih dikekalkan lagi jawatan mereka sebagai petugas zakat, manakala beberapa perlantikan baru telah dibuat malah ke destinasi yang lebih jauh. Di antara penjawat-penjawat baru yang dilantik oleh Abu Bakr ini adalah seperti<sup>60</sup>: 'Attab ibn 'Asid ke Mekah, 'Uthman ibn Abd 'Asi ke Ta'if, Ziyad ibn Labid ke Hadr al-Maut, Ya'la ibn 'Umayyah ke San'a, Jarir 'Abd Allah ke Najran, 'Abd Allah bin Thawr ke daerah Jurasy, 'Iyad bin Ghanm al-Fihri ke Dumat al-Jandal, Shurahbil bin Hasan, Yazid bin Abi Sufyan, 'Amr bin al-'As, Khalid al-Walid ke Syam.<sup>61</sup>

---

<sup>58</sup> Abd Aziz Muhammad (1993), *op.cit.*, h. 41.

<sup>59</sup> Hummam bin Daud (2004), *op.cit.*, h.112.

<sup>60</sup> Sila rujuk Jadual 2.

<sup>61</sup> At-Tabari (1991), *op.cit.*, h.177-180.



Abu Bakr RA telah melantik Abu 'Ubaydah al-Jarrah menguruskan perbendaharaan dan dilantik sebagai menteri kewangan ( *amin-al ummah* ) dan Zayd bin Thabit sebagai *al-Katib* atau pencatat yang merekodkan urusan kutipan dan agihan zakat.<sup>62</sup>

Pada zaman Abu Bakr RA timbul beberapa cabaran terhadap kekukuhan institusi zakat dan tugas amil. Pertama, keengganan beberapa golongan membayar zakat kepada amil yang dihantar oleh kerajaan Pusat oleh beberapa kabilah seperti Sulaym, Hawazin dan 'Amir<sup>63</sup>. Kedua, berkaitan isu lokalisasi agihan, di mana golongan ini tidak membayar zakat kepada amil kerajaan pusat tetapi telah membayar terus kepada asnaf yang berada di dalam kabilah masing-masing dengan menganggap urusan zakat ini urusan kabilah dan bukan urusan kenegaraan.<sup>64</sup>

Namun, beberapa kejayaan dan peristiwa yang berlaku pada era ini antaranya ialah perkembangan pesat dalam operasi kutipan hasil zakat, penghantaran amil ke wilayah yang lebih jauh dan ketegasan Abu Bakr RA dalam bertindak terhadap mereka yang enggan membayar zakat telah mengesahkan peranan negara di dalam pentadbiran zakat.<sup>65</sup>

Era 'Umar al-Khattab RA selama lebih kurang sepuluh tahun sebagai Khalifah terus menyaksikan pelbagai evolusi di dalam urus tadbir zakat. 'Umar RA

---

<sup>62</sup> *Ibid.*

<sup>63</sup> *Ibid.*

<sup>64</sup> Abd Aziz Mohammad (1993), *op.cit.*, h. 41.

<sup>65</sup> *Ibid.*

masih meneruskan amalan menghantar petugas zakat ke seluruh pelusuk negara sehingga jauh ke timur<sup>66</sup>. Perlantikan Hudhaifah ibn Mihsan ke al-Yamamah, al-Muthanna ibn al-Harith ke Kufah, Sufyan ibn Malik ke Basrah, Sa'ad ibn Abi Waqqas ke kabilah Hawazin dan Muhammadi ibn Musallamah ke kabilah Ashja' dibuat bagi meliputi seluruh wilayah negara Islam yang kian berkembang luas..<sup>67</sup>

Selain mengenakan zakat terhadap item-item baru seperti kuda<sup>68</sup>, kekacang dan zaitun<sup>69</sup>, 'Umar RA telah melaksanakan beberapa polisi yang dilihat agak radikal antaranya mengarahkan pemilik harta anak yatim melaburkan harta tersebut agar tidak berkurang akibat dizakat, penangguhan kutipan zakat selama setahun pada Tahun 'Kebuluran' (*'am al-maja'ah*) untuk meringankan beban rakyat, pemberian zakat kepada orang bukan Islam dalam kategori miskin, hukuman terhadap orang yang tidak jujur mengisytiharkan aset mereka untuk mengelak dari dikenakan zakat.<sup>70</sup>

Selepas 'Umar RA, 'Uthman RA telah mengambil alih teraju pemerintahan umat Islam. Tradisi melantik amil diteruskan<sup>71</sup> dengan perlantikan al-Mughirah bin Shu'bah, al-Walid bin 'Uqbah, Sa'id bin al-'As ke Kufah, al-Qasim Rabiah al-Thaqafi ke Taif, 'Abdullah bin 'Amir ke Basrah, Abdullah bin Sa'ad ke Mesir dan Mu'awiyah bin Abi Sufyan ke Syam. 'Uthman turut melantik 'Uqbah bin Amir sebagai pengarah baru Baitulmal.<sup>72</sup>

---

<sup>66</sup> Sila rujuk Jadual 2.

<sup>67</sup> At-Tabari (1991), *op.cit.*, h.179.

<sup>68</sup> San'ani (1995), *op.cit.*, j.2, h 799.

<sup>69</sup> Abd Aziz Mohammad (1993), *op.cit.*, h. 44.

<sup>70</sup> *Ibid*, h. 46.

<sup>71</sup> Sila rujuk Jadual 2.

<sup>72</sup> At-Tabari (1991), *op.cit.*, h.179.

Pada era 'Uthman RA, pengklasifikasian harta kepada harta batin dan lahir telah dilakukan untuk memberikan garis panduan kepada amil ketika mengaudit harta umat Islam. Isu hubungan antara zakat dan hutang timbul apabila 'Uthman RA mengisyharkan sekiranya seorang pemiutang memperoleh semula hutangnya pada waktu kutipan zakat tetapi menolak untuk membayar zakat, dia akan dikenakan zakat ke atas keseluruhan hartanya termasuklah hutang-hutangnya.

'Uthman RA juga telah memperkenalkan teori membahagikan hutang kepada dua kategori. Pertama : hutang yang dijangka boleh dibayar kembali dan kedua : hutang mati iaitu hutang yang tidak boleh dibayar. Hutang bagi kategori pertama sahaja yang dinilai dalam pengiraan zakat setiap tahun.<sup>73</sup>

Ali ibn Abi Talib KW merupakan di antara sahabat Rasulullah SAW yang paling rapat selain menjadi menantu baginda, Ali KW dikenali sebagai seorang yang mempunyai ilmu dan kemampuan berijtihad yang tinggi. Namun era pemerintahan Ali KW dipenuhi dengan ketegangan dan perpecahan dalam sesama umat. Walau bagaimanapun urusan tadbir zakat tetap menjadi keutamaan kerajaan pimpinan Ali KW. Salah satu sumbangan penting Ali KW ialah menguatkuasakan zakat terhadap binatang yang digunakan untuk bekerja dan sebagai kenderaan (*al-hawamil wal a'wamil*).<sup>74</sup>

---

<sup>73</sup> Abd Aziz Mohammad (1993), *op.cit.*, h. 47.

<sup>74</sup> *Ibid*, h. 48.

Ali KW turut menghantar amil-amil zakat<sup>75</sup> dan kali ini jauh sehingga ke Asia Tengah ( Khurasan ) seperti penghantaran Khalid bin Qurrah al-Yarbu'i. Muhammad ibn Abi Bakr telah dihantar ke Mesir, 'Abdullah ibn 'Abbas ke Basrah, Sahl Ibn Hunayf al-Ansari di Madinah, Qutham ibn al-'Abbas ke Makkah dan Taif, dan 'Ubaydullah 'Abbas ke Yaman dan sekitarnya.<sup>76</sup> Ali juga turut melantik Ziyad menguruskan Baitulmal dan urusan percukaian lain seperti *kharaj* di Madinah. Manakala Ibn Abi Rafi' membantu Ziyad sebagai al-Khazin ( penjaga) Baitulmal.<sup>77</sup>

Amalan Rasulullah SAW yang menghantar amil-amil ke setiap wilayah umat Islam telah menjadi pembuka jalan dan memberikan idea kepada para Sahabat RA selepas baginda meningkatkan kecekapan pengurusan zakat. Para Sahabat RA menggunakan kelebihan perluasan empayar umat Islam untuk meluaskan lagi garis sempadan penghantaran amil bagi pihak khalifah. Mereka tidak sekadar mengekalkan gerak kerja yang sedia ada malah membangunkan institusi amil dengan pelaksanaan polisi-polisi baru, melatih para amil, evolusi dalam menentukan item-item yang wajib dizakat, panduan pengiraan zakat dan pelbagai lagi penambahbaikan yang perlu.

Tindakan para Sahabat RA ini bukanlah suatu menyalahi sunnah Rasulullah SAW, akan tetapi sebagai satu ijtihad pemerintah yang memahami hukum dan aspirasi zakat. Hasilnya, kecekapan amil ini menjadi cermin kepada keadilan pemerintahan Khalifah umat Islam. Dapat dirumuskan, peranan amil pada era Rasulullah SAW dan Sahabat RA adalah sebagai jentera kerajaan pusat yang

---

<sup>75</sup> Sila rujuk Jadual 2.

<sup>76</sup> Al-Nawawi (1995), *op.cit.*, j.6, h.166.

<sup>77</sup> At-Tabari (1991), *op.cit.*, h.180.

diamanahkan mengutip zakat penduduk wilayah kekuasaan umat dan mengagihkannya semula kepada penerima yang berhak di wilayah yang sama.

Pada era pemerintahan Bani Umayyah, khususnya pada era Umar Abd Aziz, operasi kutipan masih berjalan seperti era sebelumnya seperti pengutusan Yahya Bin Sai'd ke Afrika Utara<sup>78</sup>. Namun pengagihan zakat dikatakan tidak tersusun dan sebaik seperti sebelumnya ekoran beberapa masalah. Dua masalah utama ialah, peningkatan aset dan kutipan zakat berbanding cukai tanah (*kharaj*), kedua percampuran zakat dan kutipan cukai tanah sehingga agihan kepada asnaf yang lapan tidak dapat ditentukan dengan baik<sup>79</sup>. Situasi ini seolah-olah menunjukkan umat Islam pada waktu berada dalam puncak kemakmuran sehingga dikatakan tiada orang yang berhak menerima zakat sedangkan pada waktu ini tiada institusi pengurusan zakat yang jelas dan mampu mengagih dengan berkesan meskipun para Khalifah bersungguh mengutip zakat termasuk mengenakan zakat kuda dan zakat terhadap harta kanak-kanak.<sup>80</sup>

---

<sup>78</sup> Mujaini Tarimin (2006), *Golongan Penerima Zakat : Agihan Dana Secara Lebih Berkesan*, Shah Alam, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM hal 51.

<sup>79</sup> Fuad Abdullah Umar (2005), *The Historical Development of Zakat*, Journal of Shariah and Islamic Studies, Academic Publication Council Kuwait University, Vol 14, h.6. [www.publicouncil.kuniv.edu.kw/JSIS/](http://www.publicouncil.kuniv.edu.kw/JSIS/), diakses pada 4 November 2009.

<sup>80</sup> Joseph Schacht (1949), *A Revaluation of Islamic Traditions*, *Journal of the Royal Asiatic Society* (1949): hal.143-154, <http://www.answering-islam.org/Books/Schacht/revaluation.>, di akses pada 4 November 2009.